

# Pendaki UTHM kibar Jalur Gemilang di *Everest Base Camp*

**T**ATKALA Jalur Gemilang berkibar megah di seluruh negara, sekumpulan pendaki Universiti Tun Hussein Onn (UTHM), *Everest Golden Quarter* merakamkan detik bersejarah setelah berjaya menawan dan mengibarkan Jalur Gemilang di Everest Base Camp (EBC) pada 16 September lalu bersempena sambutan Hari Malaysia dan sambutan ulang tahun ke-25 UTHM, baru-baru ini.

Rombongan ekspedisi itu disertai lapan pendaki yang terdiri daripada tujuh pelajar dan seorang pensyarah.

Ketua Ekspedisi, **Dr. Nur Kamilah Yusuf** berkata, pendakian mengibarkan Jalur Gemilang dan bendera sambutan ulang tahun UTHM ke-25 itu mengambil masa selama 10 hari pendakian yang bermula pada 7 September lalu untuk sampai ke *Everest Base Camp* dunia tersebut.

"Kejayaan pendakian itu turut mencatatkan nama UTHM dalam *Malaysia Book of Records* dengan *Highest Altitude Lectures Class* dengan ketinggian 5,550 meter dari aras laut.

"Misi menawan kem dasar tertinggi Everest itu merupakan hadiah paling bermakna UTHM dalam usaha untuk meningkatkan lagi imej dan fleksibiliti universiti pada mata dunia," katanya.

Jelasnya lagi, walaupun mengambil masa yang lama untuk menjayakan



misi ini ditambah pula dengan halangan cuaca dan bentuk muka bumi yang pelbagai, semua cabaran tersebut tidak sedikit pun melunturkan semangat mereka untuk meneruskan misi sehingga berjaya.

"Cabaran paling ketara yang terpaksa kami tempuh adalah apabila berhadapan dengan hujan dan angin yang kuat serta suhu sejuk yang mencecah sehingga 2 darjah Celsius di sebelah siang, manakala malamnya

pula sehingga negatif 10 darjah Celsius.

"Pendakian itu memberi satu pengalaman yang berharga buat kami dan terima kasih atas sokongan kepada semua pihak yang membantu menjayakan misi ini," katanya.

Dalam pada itu, Dr. Nur Kamilah berkata, sepanjang program pendakian itu rombongan ekspedisi tersebut turut menjayakan program tanggungjawab sosial (CSR) memasang lampu solar yang diketuai Prof. Madya Dr. Mustaffa Ibrahim di Madrasah Asyraful Ulum dan kawasan perkampungan di Kathmandu, Nepal.



SEBAHAGIAN daripada pendaki yang menjayakan program CSR pemasangan lampu solar di Madrasah Asyraful Ulum dan kawasan perkampungan di Kathmandu, Nepal.



SEBAHAGIAN daripada pendaki UTHM *Everest Golden Quarter*, yang berjaya menawan dan mengibarkan Jalur Gemilang di *Everest Base Camp*, Nepal pada 16 September lalu bersempena sambutan Hari Malaysia dan sambutan ulang tahun ke-25 UTHM, baru-baru ini.